

Kefahaman Dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik *Understanding and Skills of Socratic Methods among Islamic Education Teachers*

Muhammad Fauzan Mohd Dahlan
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
fauzandahlan.work@gmail.com

Hafizhah Zulkifli
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
hafizhah_zulkifli@ukm.edu.my

Abstrak

Kaedah Sokratik merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam pendidikan abad ke 21 yang menggunakan teknik penyoalan dan perbincangan sebagai asas dalam pengajaran. Justeru itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk mengkaji kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam (GPI) terhadap pendekatan kaedah Sokratik dalam PdPc harian, mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran GPI dalam pendekatan Sokratik berdasarkan jantina, umur dan lokasi serta mengkaji hubungan di antara kefahaman dan kemahiran GPI. Kajian ini dijalankan dengan menggunakan kaedah kajian tinjauan yang menggunakan soal selidik keatas 180 orang guru Pendidikan Islam di satu daerah Negeri Selangor. Hasil kajian daripada analisis deskriptif mendapati bahawa min kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam berada pada tahap tinggi. Hasil analisis inferensi pula menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik berdasarkan berdasarkan jantina, umur dan lokasi. Terdapat hubungan yang sederhana di antara kefahaman dan kemahiran GPI. Justeru itu, kajian ini diharapkan dapat memberi impak kepada guru Pendidikan Islam dalam membentuk kaedah pengajaran dan pembelajaran yang kondusif pada abad ke-21 ini.

Kata kunci: Pendidikan abad ke-21, guru Pendidikan Islam, kemahiran, kefahaman, kaedah sokratik

Abstract

Socratic method is one of the 21st century methods of teaching that used questions technique and discussion. Therefore, the purpose of this research was conducted to examine the understanding and skills of Socratic Methods approach, determining significant differences between knowledge and skills in Socratic approach by gender, age, academic background and locations, and examine the relations between understanding and skills of socratic methods among Islamic Education teachers. The methods used was survey design which includes giving questionnaires to 180 Islamic Education Teachers in a district in Selangor. The result from descriptive analysis shows that the mean for both understanding and skills is high among Islamic education teachers. The result from inference analysis shows that there is no significant differences between understanding and skills by gender, age, academic background and location among Islamic education teachers. It also shows that there is an average relation between understanding and skills among Islamic Education teachers. Henceforth, the researcher hopes that the research will bring a significant impact in order to produce a conducive teaching and learning towards 21st Century Education.

Keyword: 21st Century Education, Islamic education teachers, Understanding, Skills, Socratic method.

Article Progress
Received: 22 April 2020
Revised: 10 Mei 2020
Accepted: 22 May 2020

1. PENGENALAN

Kaedah sokratik adalah kaedah yang berasaskan pertanyaan soalan dan perbincangan yang diperkenalkan oleh seorang tokoh ilmunan Falsafah Yunani iaitu Socrates sekitar tahun 470 – 300 S.M. Pendekatan utama dalam kaedah Sokratik ini ialah bermula daripada guru sebagai fasilitator iaitu pemudahcara mengutarakan soalan berbagai-bagai aras kesukaran kepada para pelajarnya kerana berdasarkan soalan yang diberikan, pelajar akan menggunakan keupayaan minda mereka untuk berfikir bagi menjawab soalan-soalan yang dilontarkan semasa di dalam kelas. Aspek yang ditekankan dalam kaedah ini mendorong pelajar berfikir untuk membina konstruk dalam mempelajari sesuatu (Salihuddin et. al., 2014). Apabila pelajar kerap berfikir, secara tidak langsung akan menjadikannya bersifat inkuiri atau dengan lebih jelas lagi ialah sifat ingin tahu yang tinggi (Tikva, 2010).

2. PENYATAAN MASALAH

Kaedah Sokratik menitikberatkan kaedah berdialog dan juga perbincangan adalah bertujuan bagi menemukan penyelesaian kepada sesuatu masalah yang dibincangkan. Pendekatan sokratik ini merupakan pendekatan yang memberikan perhatian dari sudut kaedah dialog dan berinteraksi dua hala antara pelajar mengenai sesuatu perkara yang dibincangkan. Kaedah ini selari dengan keperluan pendidikan abad ke-21 yang menekankan intelektual supaya dapat mewujudkan budaya saing yang seimbang di antara satu sama lain.

Kebiasaannya, guru mata pelajaran Pendidikan Islam mengamalkan corak pengajaran pada aras yang sama. Meor Rahman (2003) mengatakan bahawa didapati pelajar menonjolkan kebosanan dan tidak tertarik dengan kandungan matapelajaran disebabkan pendekatan guru yang tidak memenuhi pola pemikiran mereka. Para pelajar tidak memahami mata pelajaran Pendidikan Islam kerana strategi pengajaran guru tidak sesuai. Guru hanya tertumpu kepada buku teks yang dibekalkan oleh pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sahaja.

Selain itu, kajian Daud et. al., (2006) menyatakan bahawa hanya segelintir sahaja daripada guru matapelajaran menginovasikan kaedah PdPc mereka. Norazlin & Rahaimah (2019) menambah bahawa guru perlu menerapkan kaedah abad ke-21 bagi melahirkan pelajar berkemahiran dalam kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) dan menggunakan alatan teknologi maklumat dan mempelbagaikan teknik PdPc (Iberahim et. al., 2017).

Keberkesanan dan kebergantungan PdPc adalah pada seorang guru. Perancangan yang rapi terhadap kandungan pengajaran yang ingin disamaikan oleh guru berdasarkan aras pengetahuan pelajar adalah penting agar pelajar dapat mengikuti dan memahami penerangan yang dilakukan oleh guru (Azhar et. al., 2007). Seseorang guru yang profesional dan cemerlang tidak terikat kepada penggunaan buku teks yang dibekalkan, malah dengan cara penambahbaikan dalam bahan pengajaran daripada sumber yang pelbagai dapat merangsang pembelajaran pelajar (Abd. Rahim Abd Rashid, 2005).

Kajian yang dilakukan oleh Kamarulzaman et. al., (2002) yang dilakukan di Sekolah Menengah Agama Negeri (SMAN) Kelantan menyatakan dalam kajian ini mendapati bahawa guru-guru Pendidikan Islam dan Bahasa Arab kurang memberi penekanan terhadap elemen penglibatan pelajar dalam kelas di samping banyak menggunakan kaedah berpusatkan guru berbanding yang berpusatkan pelajar. Kajian ini disokong lagi dengan kajian Ab. Halim et al. (2004) tentang keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Islam ke atas pembangunan diri pelajar mendapati bahawa guru-guru yang dikaji masih banyak menggunakan kaedah syarahan.

Akibat daripada mengekalkan prestasi sekolah supaya sentiasa berada dalam keadaan baik serta bilangan A dalam semua mata pelajaran, guru dilihat tidak berminat untuk mengamalkan teknik penyoalan aras tinggi (Zarina Abdul Rashid, 2016). Mereka kurang mahir dalam membina soalan terbuka aras tinggi kerana tidak diberikan pendedahan berkaitan dengan teknik-teknik penyoalan dalam pengajaran. Kajian Sukiman et.al., (2012) mendapati teknik penyoalan merupakan cara yang

digemari oleh guru dalam PdPc tetapi lebih cenderung menggunakan soalan aras rendah berbanding arasa tinggi. Penggunaan soalan pada aras rendah menyebabkan pemikiran pelajar tidak dapat dibentuk untuk melahirkan pelajar yang berkemahiran dalam berfikir (King, 1994). Hal ini disokong oleh Kassim dan Zakaria (2014) mendapati bahawa guru kurang menggunakan soalan terbuka aras tinggi kerana mereka kurang berkebolehan dalam mengaplikasikan teknik penyoalan yang berkesan kepada pelajar.

PdPc yang memfokuskan kepada peperiksaan semata-mata iaitu guru memberikan isi-isi penting yang berkaitan dengan soalan-soalan peperiksaan tanpa menghiraukan potensi pelajar sedikit sebanyak menunjukkan corak pengajaran guru berkonsepkan tradisional dan kurang menggalakkan pelajar untuk berfikir tentang fakta yang dipelajari (Philips, 1997). Dalam masa yang sama pelajar kesuntukan masa untuk membina karakter dan potensi diri dalam sesuatu bidang kerana memberikan penekanan kepada proses menghafal (Zarina Abdul Rashid, 2016).

Walaupun pendekatan kaedah Sokratik dalam pengajaran guru Pendidikan Islam dilaksanakan sejajar dalam usaha merealisasikan matlamat kurikulum, namun penyelidikan secara mendalam mengenainya perlu dilakukan. Berdasarkan pencarian, pembacaan terhadap literatur dan tinjauan penyelidik mendapati bahawa penulisan dan kajian yang dilakukan berkaitan Pendidikan Islam di negara ini kurang menyentuh secara khusus tentang pendekatan Kaedah Sokratik dalam pembelajaran Pendidikan Islam. Oleh yang demikian, kajian ini perlu dijalankan terhadap guru Pendidikan Islam di sekolah-sekolah menengah bagi mengkaji dan mengenal pasti pendekatan Kaedah Sokratik dalam pembelajaran Pendidikan Islam yang berfokuskan persoalan tahap kemahiran dan kefahaman Kaedah Sokratik dalam pembelajaran Pendidikan Islam.

3. KAJIAN LITERATUR

Kaedah Sokratik mengutamakan kaedah penyoalan yang cenderung kepada provokasi secara berdialog. Kaedah Sokratik ini lazimnya dilaksanakan bagi pelajar sekolah menengah dan pelajar universiti kerana pelajar lebih bersedia untuk melalui proses provokasi tersebut dan berkebolehan memberikan penghujahan terhadap perkara yang berbangkit (Pihlgren, 2009). Antara kaedah penyoalan tersebut, Kaedah Sokratik mempunyai potensi dan ciri-ciri yang lebih sesuai untuk dilaksanakan pada peringkat pelajar sekolah menengah dan keatas berdasarkan kebolehan pelajar untuk menguasai kaedah ini. Pembelajaran Kaedah Sokratik juga mampu meningkatkan pemikiran pelajar dan berfokus terhadap perkara yang dibincangkan (Redhana, 2013)

Menurut Knezic et al., (2010) Kaedah Sokratik dapat dilaksanakan dengan cara berdialog dalam kalangan pelajar yang terdiri daripada dua orang atau lebih. Pendekatan ini adalah untuk membimbing pelajar belajar bertanya, berbincang dengan menjawab persoalan yang telah diajukan (Zare dan Othman, 2013). Kajian-kajian terdahulu banyak membincangkan tentang kaedah Sokratik dapat meningkatkan tahap pemikiran kritis, tetapi amat minimum dalam meningkatkan pemikiran kreatif sedangkan bagi seseorang individu perlu menguasai kedua-dua pemikiran bagi mencapai tahap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) mereka.

Pendekatan pembelajaran Kaedah Sokratik dalam kajian-kajian sebelum ini menunjukkan ia berupaya menggalakkan pelajar berfikir dengan lebih baik. Galakan tersebut mempunyai hubungan dengan cara pelajar berfikir sebelum menjawab atau memberi pendapat. Konsep utama dalam pembelajaran Kaedah Sokratik ialah guru mengutarakan pelbagai soalan supaya, pelajar terdorong untuk berfikir bagi menjawab soalan-soalan tersebut. Menurut Tikva (2010) aspek yang paling diberikan perhatian dalam kaedah sokratik ini adalah mendorong pelajar untuk berfikir bagi membina rangka dalam mempelajari sesuatu perkara. Ke kerapannya manusia berfikir dalam satu masa secara tidak langsung otak dapat berfungsi dengan lebih baik dalam berfikir dan idea-idea yang bernas.

Kaedah Sokratik bukanlah satu kaedah perbincangan biasa dalam kelas yang akhirnya guru akan memberikan jawapan, sebaliknya ia merupakan proses komunikasi dua hala antara guru dan pelajar yang membolehkan pelajar lebih melibatkan diri berbanding guru dalam mengeluarkan

pendapat, memberi sokongan terhadap sesuatu hujah yang dinyatakan dan sebagainya. (Knezic et al., 2010). Kaedah Sokratik juga menjadikan pelajar lebih cenderung kepada konsep pembelajaran aktif yang berpusatkan pelajar (Peterson, 2009).

Salah satu kaedah yang sering digunakan dalam pembelajaran Sokratik adalah berdialog. Tujuan berdialog adalah bagi membincangkan sesuatu permasalahan untuk mencari penyelesaian yang pelbagai yang mana pembelajaran ini lebih ke arah pembelajaran sendiri (Birnbacher, 2004). Kebiasaannya, dialog adalah interaksi antara dua individu tetapi apabila berlaku pembelajaran dalam kelas, guru mengubah konsep interaksi antara dua individu kepada dialog secara berkumpulan. Peranan guru sebagai pemudah cara dan memastikan kumpulan pelajar sentiasa berdialog antara satu sama lain dengan bersoal jawab sehingga segala kemuskilan dapat diselesaikan (Krohn, 2004). Konsep yang sama juga ada pada Seminar Sokratik, iaitu satu siri teknik penyoalan dengan jawapan-jawapan yang logik untuk membina satu hujah dan kesimpulan. Teknik ini akan merangsang pemikiran supaya berfikir dengan lebih kritis (Shea, 2006).

Kaedah Sokratik tidak menumukan kepada satu kaedah iaitu memberi soalan dan seterusnya jawapan oleh guru, sebaliknya ia adalah satu kaedah yang memerlukan penelitian pembacaan, pemikiran dan memberi hujah yang dapat menjurus kepada jawapan untuk soalan yang diberikan (Swain, 2007). Perbezaan antara dialog dan debat adalah amat ketara kerana kedua-duanya melalui satu proses yang berbeza. Pendekatan strategi yang digunakan oleh guru dalam pengajaran mendorong kepada pencapaian objektif pembelajaran murid. Justeru itu, kemahiran guru amat dituntut untuk memastikan kesediaan murid untuk menerima ilmu pengetahuan dan menyusun kembali pengetahuan sedia ada mereka untuk diaplikasikan dalam kehidupan seharian mereka (Nor Alniza & Hafizhah Zulkifli 2019).

Davies (2000) menyatakan teknik penyoalan merupakan keperluan dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana teknik ini mampu memotivasikan murid, menggalakkan murid berfikir dan mendorong kepada perbincangan kumpulan. Malahan dapatan kajian Zamri & Nor Razah (2011) menyokong teori ini dan mendapati guru yang kerap memberikan soalan mengikut aras kemampuan pelajar mampu melonjakkan prestasi kecemerlangan pelajar mereka menjadi lebih fleksibel dan relevan sesuai menyesuaikan diri dengan arus kemodenan.

Kaedah yang boleh digunakan oleh guru semasa menganalisis pelajar ialah menggunakan kaedah sokratik. Kaedah ini mengikut prinsip yang diamalkan oleh Socrates. Kaedah ini menekankan kepada kemahiran bersoal jawab yang memerlukan kemahiran berfikir yang mendalam. Kaedah ini akan menjadikan pengajaran berlaku secara dua hala sama ada daripada guru kepada murid atau daripada murid sesama murid. Dalam kaedah ini juga, guru berpeluang memberi masa kepada murid untuk berfikir terlebih dahulu dengan soalan-soalan (Naffi Mat, 2010).

4. OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini mengandungi beberapa objektif iaitu:

- a) Mengenal pasti tahap pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah Sokratik
- b) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan jantina.
- c) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan umur.
- d) Mengenal pasti perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan lokasi.
- e) Mengenalpasti hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru Pendidikan Islam dalam pendekatan sokratik

5. PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini mempunyai beberapa persoalan kajian untuk dikaji iaitu:

- a) Apakah tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam tentang kaedah Sokratik?
- b) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan jantina?
- c) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan umur?
- d) Adakah terdapat perbezaan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan lokasi?
- e) Adakah terdapat hubungan yang signifikan di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik?

6. HIPOTESIS KAJIAN

Hipotesis kajian ini dinyatakan dalam bentuk hipotesis nul mengikut persoalan kajian. Hipotesis nul digunakan bagi mengenal pasti pengaruh pembolehubah-pembolehubah yang berkaitan. Berikut merupakan hipotesis nul yang diuji pada paras signifikan 0.05:

- Ho1 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan jantina.
- Ho2 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan umur.
- Ho3 Tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik berdasarkan lokasi.
- Ho4 Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik

7. METODOLOGI KAJIAN

7.1 Reka Bentuk Kajian

Secara umumnya kajian ini merupakan kajian kuantitatif iaitu yang berbentuk deskriptif bagi mengenalpasti dan mengkaji secara empirikal dan sistematik berkaitan tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik. Kajian ini akan menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Kajian tinjauan termasuk dalam kajian yang diklasifikasikan oleh Mohd Majid Konting (1998) merupakan salah satu jenis kajian dalam penyelidikan deskriptif. Menurut Creswell (2005) reka bentuk kajian tinjauan adalah prosedur dalam penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang mana pengkaji menjalankan satu tinjauan terhadap sampel atau keseluruhan populasi.

7.2 Populasi Dan Persampelan

Dalam kajian ini keseluruhan sampel adalah terdiri daripada guru-guru mata pelajaran Pendidikan Islam di satu daerah Negeri Selangor. Penyelidik memilih 280 orang guru mata pelajaran Pendidikan Islam sebagai populasi. Dalam kajian ini penyelidik menggunakan seramai 180 orang guru Pendidikan Islam sebagai responden kajian. Mengikut jadual Morgan dan Krejcie (1970) sampel kajian perlu mewakili populasi. Sampel yang digunakan adalah 180 orang dan ianya dipilih dalam kalangan populasi yang terdiri daripada 280 orang guru Pendidikan Islam di Sekolah Menengah Kebangsaan di satu daerah Negeri Selangor.

7.3 Instrumen Kajian

Kajian ini menggunakan soal selidik yang ditulis dalam Bahasa Malaysia serta menggunakan laras bahasa yang mudah difahami oleh sampel. Soal selidik ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu

Bahagian A, merupakan bahagian maklumat demografi. Bahagian B adalah bahagian kefahaman guru-guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik dan bahagian C ialah tahap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik. Soalan-soalan ini telah diubah suai dari soal selidik kajian bertajuk *Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah* oleh Normazidah Mahmood (2012). Skor setiap instrumen telah menggunakan skala likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS).

8. DAPATAN KAJIAN

Di bahagian ini pengkaji menganalisis dapatan kajian berdasarkan seramai 180 orang guru yang menjadi responden bagi kajian ini.

8.1 Taburan Demografi Reponden

Jadual 1: Taburan kekerapan responden

Ciri Demografi		N	Peratus (%)
Jantina	Lelaki	55	30.6
	Perempuan	125	69.4
Umur	Kurang 30 Tahun	74	41.1
	31 – 40 Tahun	41	22.8
	41 – 50 Tahun	65	36.1
Lokasi	Luar Bandar	95	52.8
	Bandar	85	47.2

Jadual di atas, menunjukkan seramai 55 orang peserta kajian adalah guru lelaki. Jumlah tersebut mewakili 30.6% peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian. Manakala, responden dari kalangan guru perempuan pula adalah 69.4%, iaitu seramai 125 orang secara keseluruhannya. Sebanyak 41.1% (74) orang guru berada dalam kumpulan kurang daripada umur 30 tahun, manakala 22.8% (41) orang guru berada dalam kumpulan 31-40 tahun dan selebihnya 36.1% (65) orang guru dari kumpulan 41-50 tahun yang menjadi responden kajian. Seramai 95 orang merupakan lokasi luar bandar. Jumlah tersebut mewakili 52.8% peratus daripada keseluruhan jumlah peserta kajian. Manakala, responden dari lokasi bandar pula adalah 47.2%, iaitu seramai 85 orang secara keseluruhannya.

8.2 Kefahaman dan Kemahiran GPI terhadap Kaedah Sokratik

Tahap Kefahaman dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik

Jadual 2: Kefahaman dan Kemahiran GPI Terhadap Kaedah Sokratik

Faktor		N	Mean	Sisihan Piawai
Kefahaman GPI	Lelaki	55	3.88	0.75
	Perempuan	125	3.89	0.65
Kemahiran GPI	Lelaki	55	3.97	0.55
	Perempuan	125	3.95	0.51

Jadual 2 menunjukkan analisis deskriptif tahap kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap pendekatan kaedah sokratik. Tahap kualiti guru Pendidikan Islam bagi guru Lelaki menunjukkan dengan nilai min 3.88 dan sisihan piawai 0.75. Manakala bagi guru perempuan pula menunjukkan nilai min 3.89 dan nilai sisihan piawai 0.65 dan menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa guru mata pelajaran Pendidikan Islam bagi lelaki dan perempuan berada pada tahap yang tinggi. Tahap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap

pendekatan kaedah sokratik. Tahap kemahiran guru Pendidikan Islam bagi guru Lelaki menunjukkan dengan nilai min 3.97 dan sisihan piawai 0.55. Manakala bagi guru perempuan pula menunjukkan nilai min 3.95 dan nilai sisihan piawai 0.51 dan menunjukkan berada pada tahap yang tinggi. Keadaan ini jelas membuktikan bahawa guru mata pelajaran Pendidikan Islam bagi lelaki dan perempuan berada pada tahap yang memberangsangkan dan tinggi.

8.3 Perbezaan yang Signifikan antara Kefahaman dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik

Jadual 3: Ujian T bagi faktor Kefahaman dan Kemahiran GPI berdasarkan Jantina

Faktor		N	Mean	Sisihan Piawai	t	Sig
Kefahaman GPI	Lelaki	55	3.88	0.75	-0.04	0.97
	Perempuan	125	3.89	0.65		
Kemahiran GPI	Lelaki	55	3.97	0.55	0.23	0.82
	Perempuan	125	3.95	0.51		

Berdasarkan jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah Sokratik ($t=-0.04$; $p>0.05$). Tahap kefahaman guru lelaki ($M=3.88$) adalah sama dengan guru perempuan ($M=3.89$).

Jadual 4: Ujian T bagi faktor Kefahaman dan Kemahiran GPI Berdasarkan Lokasi

Faktor		N	Mean	Sisihan Piawai	t	Sig
Kefahaman GPI	Bandar	85	3.79	0.82	-1.85	0.07
	Luar Bandar	95	3.97	0.51		
Kemahiran GPI	Bandar	85	3.95	0.55	-0.09	0.93
	Luar Bandar	95	3.96	0.50		

Berdasarkan jadual 4, tidak terdapat perbezaan yang signifikan tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah Sokratik ($t=-0.09$; $p>0.05$) berdasarkan lokasi kajian. Tahap kefahaman bagi lokasi Bandar ($M=3.95$) adalah sama dengan lokasi Luar Bandar ($M=3.96$).

Jadual 5: Anova sehalu Kefahaman Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik Berdasarkan Umur

Faktor		df	Mean	f	sig
Kefahaman GPI	Dalam kumpulan	2	1.01	2.22	0.11
	Antara kumpulan	177	0.46		

Jadual 5a: *Post-Hoc Anova Tukey HSD:* KefahamanGPI Terhadap Kaedah Sokratik Berdasarkan Umur

(I) Umur	(J) Umur	Perbezaan Min	Sig
Kurang 30 Tahun	31 – 40 Tahun	-0.07	0.86
	41 – 50 Tahun	-0.24	0.10
30 - 40 Tahun	Kurang 30 Tahun	0.07	0.86
	41 – 50 Tahun	-0.17	0.42
41 – 50 Tahun	Kurang 30 Tahun	0.24	0.10
	31 – 40 Tahun	0.17	0.42

Ujian *Post-Hoc ANOVA Tukey HSD* pada jadual 5 menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik berdasarkan faktor umur iaitu kurang 30 Tahun, 31 – 40 Tahun dan 41 – 50 Tahun dan nilai kawalan $F(179) = 2.22$,

$p > 0.05$. Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik di antara umur kurang 30 Tahun, 31 – 40 Tahun dan 41- 50 Tahun.

Jadual 6: Anova sehalu Kemahiran GPI Terhadap Kaedah Sokratik Islam Berdasarkan Umur

Faktor		df	Mean	f	sig
Kemahiran GPI	Dalam kumpulan	2	0.48	1.77	0.17
	Antara kumpulan	177	0.27		

Jadual 6a: *Post-Hoc Anova Tukey HSD:* Kemahiran GPI Terhadap Kaedah Sokratik Berdasarkan Umur

(I)	Umur	(J) Umur	Perbezaan Min	Sig
Kurang 30 Tahun		31 – 40 Tahun	0.17	0.22
		41 – 50 Tahun	-0.11	1.00
30 - 40 Tahun		Kurang 30 Tahun	-0.17	0.22
		41 – 50 Tahun	-0.18	0.20
41 – 50 Tahun		Kurang 30 Tahun	0.11	1.00
		31 – 40 Tahun	0.18	0.20

Ujian *Post-Hoc ANOVA Tukey HSD* pada jadual 6a diatas menunjukkan tidak terdapat perbezaan yang signifikan terhadap kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik berdasarkan faktor umur iaitu kurang 30 Tahun, 31 – 40 Tahun dan 41 – 50 Tahun dan nilai kawalan $F(179) = 1.77$, $p > 0.05$. Ini bermakna tiada perbezaan yang signifikan terhadap kefahaman guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik di antara umur kurang 30 Tahun, 31 – 40 Tahun dan 41- 50 Tahun.

8.4 Hubungan yang Signifikan di antara Kefahaman dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik

Analisis Korelasi Pearson telah dijalankan bagi mengenal pasti hubungan kedua pemboleh ubah iaitu kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik. Jadual 7 menunjukkan nilai pekali korelasi yang diperolehi dari hasil analisis yang telah dijalankan. Kajian mendapati bahawa pekali Korelasi Pearson antara tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik adalah $r = 0.52$, $P = 0.00$ ($p < 0.05$). Ini menunjukkan kedua pemboleh ubah berhubung secara positif dengan kekuatan perhubungan pada tahap yang sederhana. Maka hipotesis nol (H_0) Tidak terdapat hubungan yang signifikan di antara di antara pengetahuan dan kemahiran guru dalam pendekatan sokratik adalah ditolak.

Jadual 7: Kefahaman GPI Terhadap Kaedah Sokratik

Konstruk	Pekali Korelasi Pearson (r)	Tahap Signifikan	Interpretasi Kekuatan Hubungan
Tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik	0.52**	0.00	Sederhana

**Hubungan signifikan pada aras 0.01

9. PERBINCANGAN

9.1 Tahap Kefahaman Dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik

Berdasarkan daripada analisis yang dilakukan didapati bahawa tahap kefahaman Guru Pendidikan Islam terhadap kaedah Sokratik memberikan jumlah nilai min 3.88 dan sisihan piawai 0.51. Manakala bagi skor min kemahiran pula adalah 3.96 dan nilai sisihan piawai 0.52. Hal ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran guru berada pada tahap tinggi. Perkara ini berlaku kerana guru telah melalui pengetahuan guru itu sendiri tentang kaedah pengajaran yang digunakan oleh sokratik, seminar dan kursus yang memberikan pendedahan secara menyeluruh mengenai pendekatan kaedah sokratik yang merupakan salah satu kaedah pengajaran pada abad ke-21 yang menerapkan elemen-elemen kemahiran berfikir secara kreatif dan kritis.

Ilmu yang dipelajari dan diamalkan dalam kehidupan merupakan satu perkara yang mengangkat martabat seseorang yang memiliki ilmu dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Seseorang guru yang mengajar di sekolah dalam usaha menyalurkan ilmu pengetahuan yang diketahui kepada anak didiknya. Seorang guru hendaklah mempunyai pengetahuan yang terperinci mengenai mata pelajaran yang diajarkan atau kaedah yang ingin diterapkan dalam pengajarannya agar setiap yang diberikan kepada pelajar dapat memahami sukatan yang dipelajarinya. Menurut Zamri (2014) mengatakan bahawa guru sebagai karakter yang penting dalam sekolah semestinya arif dalam pengetahuan, kefahaman, kemahiran dan keyakinan dalam menyampaikan pengajaran kepada pelajar supaya dapat menjayakan proses pengajaran yang dirancang. Sebelum menerapkan kaedah sokratik dalam kaedah pengajaran oleh guru Pendidikan Islam di sekolah, guru mata pelajaran memahami dengan pendekatan kaedah sokratik, berkemahiran untuk mengendalikan kaedah ini sewaktu PdPc berjalan dan bersikap positif terhadap kaedah yang ingin dilaksanakan dengan memberi tanggapan bahawa kaedah tersebut dapat membantu kefahaman pembelajaran pelajar. Hal ini kerana, guru yang berkesan adalah guru yang dapat memberikan pandangan yang positif pelajar terhadap mata pelajaran yang dipelajari. Perkara ini telah disokong oleh Anuar Ahmad & Nelson Jingga (2017) dan Kamarul Azmi Jasmi & Noor Fadhlina Nawawi (2012) mengatakan guru yang berkemahiran dalam kaedah pengajaran berkesan dan penguasaan kawalan bilik darjah oleh guru semasa proses PdPc dalam kelas dapat memberikan suntikan semangat motivasi untuk para pelajarnya supaya tahap perhatian berada pada tahap yang memuaskan.

9.2 Perbezaan yang Signifikan Kefahaman dan Kemahiran Guru Pendidikan Islam Terhadap Kaedah Sokratik

Hasil analisis diskriptif telah membawa kepada tidak terdapat perbezaan yang signifikan di antara kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik berdasarkan jantina, lokasi, umur dan kelayakan akademik. Dapatan kajian ini menggunakan Ujian-t yang melibatkan dua pemboleh ubah yang ingin dikaji dan anova sehala serta *post-Hoc Tukey HSD* yang melibatkan tiga pemboleh ubah yang ingin dikaji berdasarkan jadual 5 dan 6.

Bagi pandangan pengkaji berpendapat bahawa kefahaman terhadap sesuatu kaedah pengajaran khususnya terhadap kaedah sokratik adalah berkait rapat dengan peranan seorang guru, pelaksanaan dan hasil yang dilakukan oleh guru dalam menerapkan kaedah sokratik kepada pelajar bagi membentuk pelajar yang mahir dalam berfikir secara kreatif dan kritis. Tuntasnya, penguasaan guru Pendidikan Islam terhadap pemahaman sesuatu kaedah pembelajaran abad ke-21 iaitu kaedah sokratik akan membuatkan guru mata pelajaran mampu melaksanakan kemahiran dengan yakin dan memudahkan sesi pengajaran dan pembelajaran ke atas pelajar.

Kajian McNeil dan Malkeet Singh (2002) mencadangkan strategi yang boleh diaplikasikan oleh guru sewaktu memperkenalkan KBAT kepada pelajar-pelajar iaitu penguasaan seorang guru yang baik dalam teknik soal jawab akan membantu pelajar-pelajar untuk menjadi seorang pemikir yang baik dan berjaya. Mahir dalam memberikan soalan-soalan yang berkaitan dengan sukatan mata

pelajaran merupakan antara kemahiran yang perlu dimiliki oleh seorang guru. Menurut Syafiq Mah Hassan (2019) mengatakan bahawa teknik menyoal yang betul dan berkesan dapat menggerakkan minda pelajar, menilai pemahaman pelajar berkenaan isi pelajaran, dan juga membimbing pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran. Menurutnya lagi, prinsip yang perlu difahami oleh guru tentang persoalan adalah prinsip pembentukan soalan, prinsip teknik mengemukakan soalan, dan prinsip penerimaan jawapan yang harus dikuasai oleh guru supaya soalan yang diberikan kepada pelajar berkesan dan diterima oleh pelajar.

9.3 Hubungan Yang Signifikan Di Antara Pengetahuan Dan Kemahiran Guru Dalam Pendekatan Sokratik

Seterusnya, hasil kajian menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap kaedah sokratik. Kedua-duanya berhubung secara positif manakala kekuatan hubungan berada pada tahap sederhana. Nilai korelasi berada pada tahap yang sederhana ($r = 0.52$) menunjukkan bahawa tahap pengetahuan dan kemahiran seseorang guru dalam kaedah pengajaran yang dibawa dapat meningkatkan keyakinan dan membantu kefahaman pelajar. Menurut Siti Zubaidah (2006) dan Sharifah Nor (2012) guru perlu berpengetahuan tinggi dalam kemahiran berfikir terutamanya dalam proses Pengajaran dan pembelajaran.

Kaedah sokratik merupakan salah satu pendekatan pengajaran yang efisien yang boleh digunakan oleh guru dalam membantu kefahaman pelajar di dalam kelas. Namun begitu, hasil dapatan kajian ini menunjukkan nilai min dan sisihan piawai bagi kefahaman dan kemahiran berada pada tahap yang tinggi, akan tetapi perhubungan kedua-duanya menunjukkan nilai yang sederhana. Perkara ini bertentangan dengan hasil dapatan kajian Rohani (2011) yang mendapati tahap pengetahuan guru-guru di Malaysia berada pada tahap sederhana terhadap inovasi kaedah yang wujud pada abad ini.

Pendedahan tentang kaedah-kaedah terkini yang dapat membantu proses pengajaran guru dan membantu pelajar sentiasa aktif dalam proses Pengajaran dan pembelajaran perlu didedahkan dengan lebih efektif kepada guru (Mohd Qhairil Anwar Azhar & Zamri Mohamad, 2018). Guru bukan sahaja ditugaskan sebagai tenaga pengajar di sekolah. Perkara ini selari dengan Nor Amalina Ab Hakim dan Zanaton Iksan (2018) mengatakan guru juga berperanan sebagai memberi garis panduan bagi menyelesaikan masalah. Guru juga berperanan dalam mengembangkan bakat, minat dan kebolehan pelajar malahan menjadi wadah dalam membina daya pemikiran kritis dan kreatif pelajar agar dapat menyesuaikan diri dengan setiap perubahan yang berlaku. Guru juga seharusnya bijak merancang pengajaran dan pembelajaran mengikut keperluan individu, kumpulan dan keseluruhan kelas (Habsah 2014).

9.4 Struktur Ayat Pertanyaan Dalam al-Quran

Struktur ayat dalam al-Quran terdapat banyak kaedah pertanyaan yang terdapat di dalamnya. Banyak kajian telah dilakukan oleh pengkaji berkaitan dengan konsep pertanyaan yang terdapat dalam al-Quran sebagai panduan dan rujukan masyarakat umum dan para asatizah dalam negara. Kajian daripada Zaidi et. al., (2019) berdasarkan ayat al-Quran daripada surah al-Naml kaedah persoalan, dan juga pelbagai fungsi seperti mempersenda, memberi amaran, dan mencela. Dalam kajian yang dilakukan oleh Zaidi et. al., (2019) menjelaskan berdasarkan daripada teori pragmatik. Pragmatik berkaitan dengan ilmu sosiolinguistik, psikologi dan neurolinguistik (Levinson, 1987).

Kajian pragmatik memberi penjelasan tentang cara bahasa itu digunakan dan pentafsiran makna berdasarkan penggunaan ungkapan dalam pelbagai konteks. Data kajian yang didapati oleh pengkaji berdasarkan surah al-Nahl ayat 36 **كَيْفَ كَانَتْ عَقِبَةُ الْمُكَذِّبِينَ** merupakan ayat pertanyaan yang bertujuan menanyakan sesuatu hal ataupun mendapatkan maklumat yang tidak difahami oleh penutur. Asmah (1986) menyatakan bahawa ayat tanya tidak semestinya menunjukkan pertanyaan semata-mata, malah ayat tanya perlu dilihat dalam konteks penggunaannya yang mendukung maksud yang sebenar. Berdasarkan daripada ayat yang dinyatakan, pengkaji membahagikan kepada beberapa

pecahan berdasarkan perkataan yang membawa maksud Kesedaran di sebalik akibat melakukan kerosakan dengan mendustakan agama. Al-Sobuniy (406:1981) pertanyaan dalam ayat ini menggunakan (كَيْفَ - *kaifa* – bagaimanakah) bertujuan memberi peringatan. Ayat ini pada zahirnya menggambarkan كَيْفَ satu pertanyaan yang diajukan kepada para pendusta Nabi Muhammad SAW atas apa yang berlaku terhadap umat terdahulu kerana perbuatan mereka mendustakan rasul-rasul yang diutuskan oleh Allah SWT, tetapi sebenarnya mengandungi pesanan dengan memberi peringatan dan amaran agar menjauhi perbuatan yang boleh mengundang azab Allah. Hanya peringatan dalam bentuk soalan sahaja dapat mengetuk pintu hati mereka dan seterusnya membimbing mereka ke arah kebenaran (Zaidi et. al., 2019). Mudah diketahui daripada ayat ini dapat menimbulkan kesan kognitif yang tinggi apabila dirujuk kepada pengetahuan sedia ada berdasarkan ahli tafsir yang muktabar.

10. KESIMPULAN

Berdasarkan daripada perbincangan secara umumnya, kaedah sokratik yang dibincangkan memberikan impak yang positif dari segi berdaya saing dalam kalangan pelajar. Melahirkan pelajar berkemahiran dalam menemui solusi terhadap sesuatu perkara yang baharu. Dalam usaha melahirkan pelajar yang berkemahiran secara berkesan, guru memainkan peranan penting dalam membina motivasi para pelajar untuk terus menjadi rujukan dalam masyarakat. Selain itu, pengkaji ingin mengetahui tahap kefahaman dan kemahiran guru Pendidikan Islam terhadap Kaedah Sokratik serta kemampuan guru mata pelajaran Pendidikan Islam dapat mengenal pasti potensi pelajar berkemahiran untuk berfikir secara kreatif. Kaedah Sokratik amat sesuai digunakan oleh golongan guru terutama guru mata pelajaran Pendidikan Islam yang menerapkan ciri-ciri kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) serta dapat mengembangkan potensi para pelajar dari segi aspek intelektual sejajar dengan matlamat Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK).

RUJUKAN

- Amalina A. H. & Zanaton, I. (2018). Pengetahuan, Kemahiran Pelaksanaan Dan Sikap Guru Terhadap Pembelajaran Berasaskan Masalah (Pbm) Dalam Mata pelajaran Sains. *Seminar Antarabangsa Isu-Isu Pendidikan (ISPEN2018)* eISBN978-967-2122-54-8
- Anuar & Nelson, J. (2017). Pengaruh Kompetensi Kemahiran Guru Dalam Pengajaran Terhadap Pencapaian Akademik Pelajar Dalam Mata pelajaran Sejarah. *Jurnal Kurikulum & Pengajaran Asia Pasifik*. April 2015, Bil. 3 Isu 2. ISSN 2289-3008.
- Asmah, O. (1986). Bahasa dan Alam Pemikiran Melayu. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Birnbacher, D., and Krohn, D. (2004). *Socratic dialogue and self-directed learning*. In R. Saran, and B. Neisser (Eds.), *Enquiring minds: Socratic dialogue in education* (pp. 9–15). Stoke-on-Trent, UK: Trentham Books.
- Davies, Ivor K. (2000). *Instructional technique*. Indiana: Indiana University Press.
- Iberahim, A. R., Mahamod, Z., & Mohamad, W. M. R.W. (2017). 21st Century Learning and the Influence of Attitude, Motivation, and Achievements Malay Language Secondary School Student. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*. ISSN:2180-4842. Vol. 7, Bil. 2 (Nov. 2017): 77 – 88
- Jasmi, K. A. & Nawawi, N. F. (2012). Ciri Guru Pendidikan Islam Berkesan in Seminar

- Antarabangsa Perguruan dan Pendidikan Islam. *International Seminar on Teacher and Islamic Education [SEAPPI2012]* at Le Grandeur Palm Resort, Senai, Johor Bahru on 8-9 March 2012, pp. 203-208. ISBN 99917-44-89-4.
- King, A. (1994). *Inquiry as a Tool in Critical Thinking*. Dlm. Halpern, D.F. *Changing College Classrooms: New Teaching and Learning Strategies for an Increasingly Complex World*. San Francisco: Jossey-Bass Publishers. 13–38.
- Knezic, D., Wubbels, T., Elbers, E., & Hajer, M. (2010). *The Socratic Dialogue and teacher education*. *Teaching and Teacher Education*, 26(4), 1104–1111. <http://doi.org/10.1016/j.tate.2009.11.006>
- Kamarulzaman, A. G., Khadijah, A. R., & Amin, E. (2002). Dalam Zuria, M et. al. pnyt. Prosiding Kebangsaan Profesion Perguruan. (2002). Bangi: Fakulti Pendidikan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kassim, N. & Zakaria, E. (2014). Intergrasi Kemahiran Berfikir aras Tinggi dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik: Analisis Keperluan Guru. *Jurnal Pendidikan Malaysia*. 30(2)(2014): 15-32
- Levinson. (1987). *Pragmatics*. Cambridge: Cambridge University Press.
- Majid, K. (1990). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- McNeil, J. & Malkeet, S. (2002) *Nurturing thinking skills*. CDTL Brief Jurnal, no (4): 6-8.
- Meor, R. (2003). *Gaya Pembelajaran Dan Hubungannya Dengan Pencapaian Pelajar*. Seminar Memperkasakan Sistem Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi, Selangor Darul Ehsan.
- Muhammad Ali al-Sobuniy, (1981). *Sofwah al-Tafasir*. Beirut: Dar al-Quran al-Karim.
- Naffi, M. (2010). Explication De Texte Dalam Pengajaran Bahasa Berbasiskan Sajak : Kerelevanan Membentuk Modal Insan. *Proceedings of The 4th International Conference on Teacher Education; Join Conference UPI & UPSI Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010*
- Norazlin, M. R. & Rahaimah, A. (2019). Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. *Proceeding of The International Conference on Islamic Civilization and Technology Mangement 23-24 November 2019*. © Research Institute for Islamic Product and Malay Civilization (INSPIRE), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Terengganu.
- Normazidah, M. (2012). Penggunaan Kaedah Pengajaran Bahasa Arab dalam Kalangan Guru Peringkat Sekolah Rendah. *Tesis Ijazah Doktor Falsafah*, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur.
- Peterson, E. (2009). *Teaching To Think : Applying The Socratic Method Outside The Law School Setting*, 6(5), 83–88.
- Pihlgren, A. S. (2009). *Socratic group leadership mentoring*. 14th International Conference on Thinking (2009 Malaysia) Socratic, (1986), 63–71.

- Rohani, A. (2011). Pengetahuan, Sikap Dan Kemahiran ICT Di Kalangan Guru Matematik Di Sekolah Menengah Negeri Pahang. *Tesis Sarjana Pendidikan*. Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Redhana, W. (2013). Model Pembelajaran Berbasis Masalah Dan Pertanyaan Sokratik Untuk Meningkatkan Keterampilan Berpikir Kritis Siswa. *Journal.uny.ac.id (Cakrawala Pendidikan)*, 351–365.
- Salihuddin M. S., Baharuddin. A., Hasnah. M., Norasykin. M. Z. dan Zaleha. A. (2014). Penguasaan Pelajar Dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi Dengan Pembelajaran Kaedah Sokratik. *Konvensyen Antarabangsa Jiwa Pendidik 2014*, 11-13 Ogos 2014. Universiti Teknologi Malaysia, Johor Bharu. Malaysia
- Sharifah, N. P. (2012). Keprihatinan Guru Bahasa Melayu dalam Melaksanakan Kemahiran Berfikir Secara Kritis dan Kreatif. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 2 (11): 19-31.
- Shea, P., Li, C. S., and Pickett, A. (2006). *A study of teaching presence and student sense of learning community in fully online and web-enhanced college courses*. *Internet and Higher Education*, 9(3), 175-190.
- Sukiman. et al. (2012). Pengajaran Kemahiran Berfikir: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Sains dan Matematik*. Vol. 2 No.1 ISSN 2232-0393
- Swain, M. (2007). *What are the Benefits for Gifted Learners?* TAGT Annual Conference, (November), 1–4.
- Syafiq, M. H. (2019). Meningkatkan Kemahiran Menyoal Dalam Pengajaran. *Asian Education Action Research Journal (AEARJ)*. ISSN 2289-3180 eISSN 0128-0473/ Vol 8/ 2019 (1-8)
- Tikva, J. B. (2010). *Socratic teaching is not teaching*, but direct transmission is: Notes from 13 to 15- year olds' conceptions of teaching. *Teaching and Teacher Education*, 26(3), 656–664. doi:10.1016/j.tate.2009.10.001
- Zabidah, M. (2006). Kesan Pendekatan Penyebatian Kemahiran Berfikir Dalam Pengajaran Karangan Deskriptif Dan Karangan Imajinatif Dalam Kalangan Pelajar Tingkatan IV. *Tesis Doktor Falsafah*. Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia.
- Zaidi, Z., Ibrahim, A., Lukman, I.H.M.S (2019). Ayat Tanya Dalam Al-Quran: Satu Analisis Pragmatik. Vol. 16. No.6 (1-11), ISSN: 1823-884x. *Journal of Social Sciences and Humanities*, Faculty of Social Sciences and Humanities.
- Zamri, M. (2014). Inovasi pengajaran dan pembelajaran dalam pendidikan Bahasa Melayu. *Cetakan Ketiga*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Zare, P., & Othman, M. (2013). Classroom Debate as a Systematic Teaching / Learning Approach. *World Applied Sciences Journal*, 28(11), 1506–1513. <http://doi.org/10.5829/idosi.wasj.2013.28.11.1809>

Zarina, A. R. (2016). Tahap Kesiapan Guru Dalam Aspek Pengetahuan Dan Keperluan Latihan Berfokuskan Aplikasi KBAT. *Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan Teknikal (Rekabentuk Instruksional dan Teknologi)* Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.